



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

KRT PROGRESIF BANTU TINGKATKAN PENDAPATAN KOMUNITI, KURANGKAN KOS SARA HIDUP

KERTEH, 8 Mac – YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah menyempurnakan **Majlis Iftar Ramadan Harmoni 2025** yang dianjurkan oleh Kementerian Perpaduan Negara melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional yang diadakan di Dewan Terbuka Awam Kerteh, Terengganu Darul Iman.

Pada tahun 2024 sahaja, sebanyak **59,601 aktiviti telah dilaksanakan oleh KRT menerusi lapan bidang tumpuan** iaitu Ekonomi dan Sara Hidup; Keselamatan dan Ketahanan Komuniti; Kepimpinan; Kesejahteraan Komuniti; Pembelajaran Sepanjang Hayat; Alam Sekitar; Warisan dan Budaya serta Daya Cipta. Selain itu, di Negeri Terengganu ini, sebanyak **8 buah KRT telah berjaya dijadikan sebagai KRT Progresif pada tahun 2024** di bawah Fasa 1 Pemerkasaan Rukun Tetangga Progresif dan jumlah peruntukan yang disalurkan adalah **RM 811,800.00**.

Dalam siri lawatan saya ke Terengganu kali ini, YB Datuk Aaron Ago Dagang turut berkesempatan mengadakan lawatan ke **KRT Rumah Murah Binjai** yang merupakan salah satu KRT Progresif bagi tahun 2025. KRT ini mengusahakan tanaman pelbagai sayuran seperti **terung, bendi dan kangkung dengan menggunakan kaedah hidroponik**. Bagi merancakkan lagi aktiviti ekonomi komuniti ini, Kementerian bersetuju untuk **memberikan peruntukan sebanyak RM 76, 500.00**. Dengan adanya projek yang dilaksanakan ini, maka ianya akan dapat membantu usaha kerajaan untuk **meningkatkan pendapatan komuniti terutama golongan B40, mengurangkan kos sara hidup dan membangunkan RT Berdikari**.

YB Datuk Aaron Ago Dagang berkata, “Kementerian Perpaduan Negara akan meraikan **Sambutan Jubli Emas Rukun Tetangga**. Dalam tempoh 50 tahun ini, Rukun Tetangga telah melalui pelbagai evolusi untuk memperkukuhkan peranannya sebagai **penggerak dan pemangkin komuniti yang bersatu padu, sejahtera, mampan dan progresif**.”

Kementerian Perpaduan Negara

8 MAC 2025

KPN.100-9/1/16 (15)